

KEPERLUAN PUSAT BAHASA ARAB DI MALAYSIA : SATU KAJIAN RINTIS DI KUISCELL

Hairun Najuwah Jamali¹

Mohd Shafie Zulkifli²

Hasanah Hj Iksan³

Haji Ahmad Ismail⁴

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Selangor

ABSTRAK

Projek ini adalah satu kajian rintis tentang keperluan Pusat Bahasa Arab di Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau serta mengenalpasti kekuatan dan aktiviti yang dijalankan oleh pusat-pusat Bahasa Arab di Malaysia. Selain itu, mengetahui faktor pendorong terhadap kekuatan dan kelebihan pusat-pusat bahasa Arab di Malaysia ke arah mewujudkan Pusat Bahasa Arab Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada peserta Kursus Asas Bahasa Arab (KABAR) di KUISCELL iaitu seramai tiga puluh orang (30 orang). Kaedah dan instrumen kajian yang dijalankan ialah dengan membuat tinjauan menggunakan borang soal selidik dalam bentuk penilaian bertujuan sebagai "pilot test". Disebabkan kajian ini merupakan kajian rintis terhadap keperluan Pusat Bahasa Arab Di Malaysia, oleh itu tiada analisis spesifik yang dijalankan.

Kata Kunci: *Keperluan, Pusat Bahasa Arab, Kajian Rintis*

PENGENALAN

Di Malaysia, pembelajaran bahasa Arab kini mendapat perhatian segenap lapisan umur masyarakat terutamanya yang beragama Islam. Kajian Che Radiah & Masittah (2011), menyatakan bermula daripada kanak-kanak, remaja, golongan dewasa malah warga emas cenderung untuk mempelajari bahasa Arab dengan ramainya daripada golongan ini yang mengikut kelas-kelas pembelajaran bahasa Arab sama ada secara formal mahupun informal. Mereka mengikut kelas-kelas pengajian bahasa Arab ini di masjid, surau, pusat pendidikan bahasa Arab awam mahupun swasta dan sebagainya. Hal ini kerana memenuhi keperluan utama mereka dalam mendalami agama melalui kefahaman jitu kepada al-Quran dan Hadis serta suatu usaha pemantapan kualiti ibadah harian mereka. Kajian Mohd Sharizal et.al (2015) juga mendapati kesedaran mempelajari Bahasa Arab adalah tinggi khususnya untuk tujuan ibadah.

¹ Jabatan Bahasa Dan Pembangunan Insan Pusat Pengajian Teras Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Selangor

² Jabatan Bahasa Dan Pembangunan Insan Pusat Pengajian Teras Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Selangor

³ Jabatan Pengajian Bahasa Dan Linguistik Arab Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Selangor

⁴ Jabatan Pengajian Bahasa Dan Linguistik Arab Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Selangor

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab secara formal dan informal oleh pelbagai peringkat umur ini. Selain faktor berkait rapat dengan agama, pembelajaran bahasa Arab adalah disebabkan keperluan untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara Arab khususnya bahkan sebagai pemantapan diri individu yang melibatkan diri dalam dunia pendidikan bahasa Arab. Kesannya tertubuhlah pusat-pusat bahasa Arab yang menawarkan pembelajaran bahasa Arab secara intensif bagi memenuhi keperluan masyarakat kini.

Justeru, satu kajian keperluan ke arah mewujudkan satu pusat bahasa Arab yang memenuhi keperluan tujuan pembelajaran bahasa Arab masyarakat kini perlu dijalankan. Kajian keperluan ini tidak menafikan sumbangan besar pusat-pusat Bahasa Arab yang sedia ada pada masa kini dalam memberi khidmat penawaran kelas-kelas pengajian Bahasa Arab. Sebaliknya, kajian keperluan ini berfokus kepada keperluan yang diinginkan oleh peserta kursus intensif bahasa Arab terhadap sesebuah institusi pusat bahasa Arab. Kajian ini melihat kepada pelbagai aspek keperluan utama sesebuah pusat bahasa Arab yang diinginkan oleh peserta seperti modul pembelajaran, suasana bahasa Arab, fasiliti pusat bahasa Arab dan peningkatan kecekapan bahasa Arab hasil daripada menyertai kursus intensif yang ditawarkan.

PERNYATAAN MASALAH

Kecenderungan rakyat Malaysia daripada pelbagai peringkat umur untuk mempelajari bahasa Arab dewasa ini semakin meningkat. Ini menunjukkan bahawa kesedaran orang ramai untuk mempelajari dan mendalami bahasa Arab sudah semakin meningkat adalah satu perkembangan positif, apatah lagi ia merupakan bahasa yang bertaut kuat dengan agama Islam.

Che Radiah & Masittah, (2011) dalam kajiannya yang berfokus kepada warga emas menyatakan, meskipun keadaan tersebut dianggap baik, tetapi kegagalan sesetengah institusi atau pusat pengajaran bahasa Arab untuk menyediakan suatu program pembelajaran yang menepati matlamat, tujuan dan keperluan warga emas untuk mempelajari bahasa tersebut telah memberi kesan kepada kesungguhan dan motivasi mereka untuk terus mengikuti pengajian tersebut. Bahan pembelajaran yang agak tinggi serta proses pengajaran dan pembelajaran yang kurang bersesuaian dengan tahap intelek dan fizikal mereka menjadi penyumbang utama kepada kemerosotan jumlah kehadiran warga emas ini dalam kelas-kelas bahasa Arab yang mereka ikuti

Kepentingan mengetahui latar belakang pelajar dan tujuan mereka mempelajari bahasa Arab telah dibuktikan oleh beberapa kajian yang dijalankan sebelum ini antaranya oleh Lazim (2000), Anzaruddin (2008), Ghazali Yusri *et.al* (2010), Che Radiah & Masittah (2011) dan Mohd Shahrizal *et.al* (2015).

Melalui pengetahuan mengenai matlamat, keperluan serta latar belakang pelajar mempelajari bahasa Arab, bahan pembelajaran serta proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pendekatan serta aktiviti-aktiviti bersesuaian mampu untuk diaplikasikan dengan jayanya seterusnya dapat menarik minat mereka untuk terus konsisten mengikuti kursus yang dijalankan serta memberi impak positif ke atas prestasi pembelajaran Ghazali Yusri *et.al* (2010). Bahkan kajian pembelajaran bahasa Arab untuk pelbagai tujuan turut

dijalankan di Indonesia dengan melihat kepada kesesuaian kurikulum dan pendekatan pembelajaran bahasa Arab itu sendiri (Abdul Aziz, 2011).

Justeru, melihat kepada peri pentingnya mengetahui faktor, tujuan dan kehendak pelbagai peringkat umur rakyat Malaysia dalam usaha mempelajari bahasa Arab, serta keperluan-keperluan utama yang diinginkan oleh peserta-peserta kursus intensif bahasa Arab di sesebuah Pusat Bahasa Arab, kajian keperluan ke arah mewujudkan Pusat Bahasa Arab Malaysia perlu dijalankan. Ia penting dalam usaha menyediakan modul, suasana, fasiliti, bahan, serta proses pengajaran dan pembelajaran yang benar-benar bersesuaian dengan peserta.

Memandangkan belum ada kajian yang dijalankan berkenaan analisis keperluan pusat Bahasa Arab di Malaysia, pengkaji terdorong untuk menjalankan kajian ini agar satu pusat bahasa Arab yang efektif khusus untuk keperluan peserta pelbagai peringkat umur dapat diwujudkan.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat menjawab beberapa soalan berikut:

- i. Apakah kekuatan dan aktiviti yang dijalankan oleh pusat-pusat bahasa Arab di Malaysia?
- ii. Apakah faktor pendorong terhadap kekuatan dan kelebihan pusat-pusat bahasa Arab di Malaysia?
- iii. Apakah keperluan yang diinginkan oleh peserta dalam Pusat Bahasa Arab yang ideal?

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenalpasti kekuatan dan aktiviti yang dijalankan oleh pusat-pusat Bahasa Arab di Malaysia.
- ii. Untuk mengenalpasti faktor pendorong terhadap kekuatan dan kelebihan pusat-pusat bahasa Arab di Malaysia.
- iii. Untuk mengenalpasti keperluan yang diinginkan oleh peserta dalam Pusat Bahasa Arab yang ideal.

BATASAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini terdapat beberapa batasan khususnya bagi mendapatkan maklumat untuk dimuatkan dalam kajian ini. Antara batasan-batasan tersebut ialah:

- i. Kajian ini tertumpu di pusat-pusat bahasa Arab terpilih iaitu di negeri Selangor, Kelantan dan Kedah.
- ii. Kajian ini tertumpu kepada peserta kursus intensif bahasa Arab di pusat-pusat bahasa Arab terpilih.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini ialah ke arah mewujudkan Pusat Bahasa Arab Malaysia yang memenuhi keperluan peserta-peserta kursus intensif bahasa Arab daripada pelbagai sudut keperluan. Antaranya ialah urus tadbir pusat bahasa Arab, modul dan kurikulum pembelajaran bahasa Arab, suasana bahasa Arab di pusat bahasa, kemudahan fasiliti yang menyumbang kepada peningkatan kecekapan Bahasa Arab dalam kalangan peserta.

METODOLOGI KAJIAN

Disebabkan kajian rintis yang dijalankan oleh penyelidik hanya bertujuan mengkaji secara ringkas pandangan dan pendapat daripada responden, hanya instrumen borang soal selidik sahaja yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Menurut Mohamad Najib (1999), soal selidik dijadikan instrumen kajian kerana mudah ditadbir dan data juga senang diperolehi untuk diproses dan dianalisis. Manakala menurut Naresh (1999), penggunaan instrumen soal selidik dapat memastikan kebolehbandingan data, meningkatkan kepantasan dan ketepatan dapatan serta memudahkan pemrosesan data. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang dianalisis menggunakan SPSS versi 22.0.

Kajian rintis merupakan satu kaedah biasa yang digunakan untuk menilai kebolehpercayaan soalan-soalan yang dikemukakan iaitu sebelum kajian sebenar dijalankan. Selain itu ia juga bertujuan untuk mengetahui adakah responden memahami item soalan yang dikemukakan serta mengurangkan kekeliruan dalam format dan perkataan yang digunakan dalam soal selidik (Sekaran, 2000). Ini bertujuan supaya penyelidik dapat menjadikannya sebagai panduan memperbaiki soalan-soalan yang dikemukakan sebelum kajian sebenar dijalankan. Antara lain, kajian ini juga digunakan untuk membuat anggaran masa yang sesuai untuk menguruskan soal selidik itu kelak. Ini disokong oleh Gay dan Airasian (2000) yang menyatakan penyelidik akan memperoleh pengalaman yang berguna dan bermakna kerana kadang kala masalah yang tidak dijangkakan akan ditempuhi oleh penyelidik semasa berada di lapangan. Menurut Majid Konting (2000), penggunaan borang soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh responden kerana ia tidak dipengaruhi oleh geraklaku pengkaji.

Soal selidik dibina berasaskan kepada keperluan pusat bahasa Arab yang diinginkan dan cadangan serta komen. Borang soal selidik untuk peserta memuatkan 6 bahagian yang utama iaitu Bahagian A, B, C, D, E dan F. Soal selidik ini disediakan untuk mendapatkan maklumat keperluan pusat Bahasa Arab diinginkan oleh peserta iaitu modul pembelajaran, suasana bahasa Arab, fasiliti, peningkatan kecekapan bahasa dan cadangan.

Bahagian A: Mengandungi soalan-soalan demografi peserta kursus intensif dan pengalaman Bahasa Arab sebelum menyertai kursus intensif di pusat bahasa Arab.

Bahagian B: Mengandungi soalan-soalan mengenai modul yang disediakan oleh pusat Bahasa Arab untuk kursus intensif yang disertai.

Bahagian C: Mengandungi soalan-soalan mengenai suasana bahasa Arab di pusat bahasa Arab.

Bahagian D: Mengandungi soalan-soalan mengenai fasiliti di pusat bahasa Arab.

Bahagian E: Mengandungi soalan-soalan mengenai peningkatan kecekapan bahasa Arab hasil penyertaan peserta dalam kursus intensif di pusat bahasa Arab.

Bahagian F: Cadangan peserta.

Soalan-soalan pada bahagian ini telah disemak oleh pakar bidang yang berkelayakan bagi mencapai objektif kajian. Setiap soalan mempunyai pilihan secara 'Likert' iaitu:

Skor	Nilai Skor
Tidak Berkaitan	1
Sangat Tidak Setuju	2
Tidak Setuju	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Jadual 1: Format Skala Likert

LATAR BELAKANG LOKASI KAJIAN RINTIS

Bagi mendapatkan satu hasil penyelidikan yang mantap, satu kajian rintis keperluan pusat bahasa Arab di Malaysia telah dijalankan. Responden kajian rintis ini adalah peserta Kursus Asas Bahasa Arab (KABAR) di KUISCELL Sdn. Bhd.

KUISCELL ialah Pusat Pengajian Sepanjang Hayat berteraskan Islam yang beroperasi melalui empat cabang utama dan salah satunya adalah tujuan akademik. KABAR merupakan salah satu kursus yang ditawarkan kepada individu yang ada asas dan tiada asas bahasa Arab dan ingin melanjutkan pengajian di KUIS dalam bidang pengajian Islam. Kursus ini berlangsung selama enam (6) hingga dua belas (12) bulan. Peserta kursus perlu menjalani Ujian Penilaian Tahap bagi menentukan kelas pengajian yang bakal dipilih.

Terdapat empat (4) modul tahap pengajian ditawarkan yang bertujuan untuk membolehkan peserta menggunakan bahasa Arab secara teori dan praktikal. Selain itu, peserta juga didedahkan kepada kemahiran asas komunikasi bahasa Arab, membina ayat dengan sempurna, mampu membaca dan memahami teks Arab dengan baik seterusnya mengaplikasi tatabahasa Arab yang dipelajari menggunakan al-Quran dan Hadis. Tenaga pengajar adalah daripada kalangan mereka yang terlatih dengan pengajaran kemahiran bahasa Arab dan mampu membimbing peserta mencapai objektif yang digariskan. (<http://www.kuiscell.com/kabar.html>)

ANALISIS DAPATAN KAJIAN RINTIS

Menurut Mohd Majid (1994), ujian *Alpha Cronbach* digunakan kerana ia merupakan salah satu ujian statistik bagi mendapat koefisien kebolehpercayaan, jika data yang dipungut itu menggunakan skala Likert.

Kebolehpercayaan biasanya dijelaskan melalui korelasi antara jumlah skor dengan dengan skor setiap item. Nilai pekali *Alpha Cronbach* yang hampir kepada 1.00 menunjukkan

item-item itu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan kesan ralat terhadap pengukuran adalah kecil (Gay & Airasian, 2000). Nilai indeks kebolehpercayaan yang melebihi 0.7 boleh digunakan sebagai alat ukur untuk sesuatu kajian. Kesahan memberitahu pengkaji tentang kesesuaian satu-satu instrumen manakala kebolehpercayaan pula menunjukkan ketekalan sesuatu skor yang didapatkan.

Data daripada kajian rintis diproses menggunakan perisian SPSS versi 22.0 melalui analisis “*item correlation dan reliability*” bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Nilai *Cronbach Alpha* yang melebihi 0.70 sering digunakan oleh pengkaji-pengkaji sebagai indeks kebolehpercayaan dalam kajian (Mohd Majid. 1990).

Kebolehpercayaan soal selidik telah dianalisis bermakna bahawa ujian kebolehpercayaan dilakukan dengan mengambil kira semua item asal yang terdapat dalam soal selidik dalam kajian rintis ini. Semakin tinggi nilai Alpha Cronbach, semakin tinggi kebolehpercayaan item itu. Kebiasaannya, nilai 0.7 dan ke atas diterima sebagai nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima pakai (Nunally, 1978). Menurut Hair et al. (1998) nilai minimum *Cronbach Alpha* yang diterima untuk kajian tinjauan adalah sama atau lebih dari 0.60 (≥ 0.60). Maka setelah ujian rintis dijalankan dan penyelidik meneliti nilai *Alpha Cronbach* bagi setiap konstruk mengikut Hair et al. (1998), konstruk yang terpilih untuk setiap konstruk nilai *Alpha Cronbach* masing-masing adalah seperti dalam jadual dibawah.

Reliability Statistics

	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.871	.871	13

Jadual 2.1 Cronbach
Alpha keseluruhan

Reliability Statistics

	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.912	.912	75

Jadual 2.2 Cronbach Alpha bagi setiap item dalam modul pembelajaran bahasa Arab

Jadual 2.3 Cronbach Alpha bagi setiap item dalam suasana bahasa Arab

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.845	.838	13

Jadual 2.4 Cronbach Alpha bagi setiap item dalam fasiliti pusat bahasa Arab

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.911	.912	19

Jadual 2.5 Cronbach Alpha bagi setiap item dalam kecekapan bahasa Arab

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.957	.964	11

Jadual 2.6 Cronbach Alpha bagi setiap item dalam cadangan mengenai pusat bahasa Arab

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.772	.781	19

Berdasarkan nilai *Cronbach Alpha* yang melebihi 0.70 yang sering digunakan oleh pengkaji-pengkaji sebagai indeks kesahann dalam kajian, dapat difahami bahawa dapatan kajian rintis ini menunjukkan kesahan item instrumen sebagai data kajian yang sebenar.

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan gambaran tentang keperluan pusat bahasa Arab di Malaysia yang memenuhi keperluan peserta. Melalui kajian ini juga, pengkaji telah berjaya mengenalpasti apakah kekuatan dan aktiviti pusat bahasa Arab yang ditawarkan kepada peserta kursus seterusnya menjadi faktor pendorong kepada pemilihan sesebuah pusat bahasa Arab sebagai pilihan peserta kursus intensif. Di samping itu, pengkaji dapat mengenalpasti keperluan-keperluan utama peserta kursus intensif bahasa Arab di sesebuah pusat Bahasa. Berdasarkan kesahan item instrumen kajian ini juga, pengkaji boleh meneruskan kajian data sebenar kepada responden yang lain.

RUJUKAN

- Abdul Aziz. 2011. *Pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus dengan Pendekatan Komunikatif di UIN Maliki Malang*. Jurnal Lingua.
- Anzaruddin Ahmad. 2008. Kepentingan Analisis Keperluan Dalam Penyelidikan Dan Peranannya Dalam Penggubalan Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus. *International Seminar on Research in Islamic Studies Proceedings* dalam Ridzwan Ahmad, Mohd Roslan Mohd. Nor and Mohd Zaidi Daud (pnyt). Kuala Lumpur: Universiti Malaya. (pp. 633-645).
- Che Radiah Mezah & Raja Masittah Raja Ariffin Pengajaran Bahasa Arab Warga Emas U3a Serdang: Satu Kajian Penerokaan 2011 Prosiding International Conference And Exhibition On Research In Islamic And Arabic Language Education 2011 (Iceriale 2011) Enhancing Islamic And Arabic Language Education Through Quality Research.
- Gay, L.R. dan Airasian, P., (2000). Educational Research. New Jersey: Prentice-Hall Inc
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. 2010. Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM). *Gema Online Journal of Language Studies*, 10 (3): (pp: 37-50).
- Hair, J.F.J., Anderson, R.E., Tatham, R.L., Black, W.C., 1998. *Multivariate Data Analysis*, 5th edn, Prentice Hall, Upper Saddle River, New Jersey.
- <http://www.kuiscell.com/kabar.html>
- <http://www.kuiscell.com/tentang-kami.html>
- Lazim Omar. 2000. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan-tujuan Khas: Analisis Keperluan di Malaysia*. Tesis Ph.D. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting (1994), "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. 2000. "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Firdaus Yahaya & Muhammad Sabri Shahrir. 2015. *Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Awam*. Asia Pacific Journal of Educators and Education, vol.30,51-72.
- Naresh K. Malhotra. 1999. "Marketing Research: An Applied Orientation". New Jersey: Prentice Hall.
- Nunnally, J.C. 1978. *Psychometric Theory*. 2nd Edition. New York: Mc-Graw Hill.

Sekaran, U. 2000. *Research Methods for Business: A skill-building approach*, 3rd edition.
New York: John Wiley